

HARI MINGGU 28 APRIL 2024

KETUAI SEMBIANG	The Revd Ron Bunchol	
JAKU AJAR	The Revd Ron Bunchol	
SEMPEKAT BARU	Kisah Para Rasul 8:26-hjg	Sdri Flora Jantan
SEMPEKAT BARU	1 Yohanes 4:7-hjg	Sdri Helen Jungkin
INJIL	Yohanes 15:1-8	Reader Gabriel Henry
SAMPI PINTA	Sdri Lindon Jambu	

KEAHLIAN GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk bersama-sama merealisasikan **VISI** dan **MISI** Gereja kita, anda digalakkan untuk bertemu dengan mana-mana ahli-ahli **TIM PASTORAL** untuk mendapat maklumat lanjut.

Untuk menjadi **AHLI BERDAFTAR GEREJA**, sila isi **BORANG PENDAFTARAN** yang boleh didapati daripada para penyambut tetamu. **Menjadi ahli Gereja adalah sangat penting untuk semua orang Kristian.**

PEMBERIAN KEPADA DANA-DANA GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk memberi dengan murah hati kepada mana-mana dana-dana Gereja kita, anda boleh melakukannya secara tunai atau cek melalui sampul surat yang tersedia, menggunakan kod-kod QR di bawah atau atas talian ke akaun bank Gereja kita seperti yang tertera di bawah. Tuhan kita bersuka cita dengan sesiapa yang memberi dengan murah hati.

TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH

No. 262, Lorong Song 1, Tabuan Heights, 93350 Kuching, Sarawak, MALAYSIA.
 Tel: 082-369333 / 504372 Tel. Bimbit: 013-8383436 Emel: office@tjac.org.my
 Laman web: www.tjac.org.my Facebook: [tjacuching](https://www.facebook.com/tjacuching) Instagram: [tabuanjayaanglican](https://www.instagram.com/tabuanjayaanglican/)
 Vicar: The Revd Richard Chang Paderi: The Revd. Lawrence Wah Onn , The Revd Ron Bunchol
 Sub-Deacon: Helen Chan, John Cheong, Irvin Lim, Gabriel Henry, Frank Jitab, Yap Min Su



Dana
Bangunan
Gereja



Dana Misi



Pemberian
Hari Minggu



Persepuhulan

AKAUN BANK DANA AM GEREJA

Public Bank
3207398133

Sila hantar slip bank ke Pejabat Gereja melalui WhatsApp di 013-8383436 dan nyatakan tujuan transaksi itu.



TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH

DIOCESE OF KUCHING



VISI

MENJANGKAUI untuk KRISTUS seluas-luasnya bermula daripada Tabuan Jaya

MISI

Membina satu KOMUNITI KRISTIAN yang MENGASIHI dan MENGENALI KRISTUS dan berusaha untuk MEMBERITAKAN DIA kepada ORANG LAIN

TEMA 2024

TETAP DIDALAM KRISTUS (YOHANES 15: 5b, 7-8)

PUTIH	MINGGU PASKA YANG KETIGA	14 APRIL 2024
TEMA	DARI KESEDIHAN KE PENUH HARAPAN	
PENGUCAPCARA	The Revd Ron Bunchol	
PENGKHUTBAH	The Revd Ron Bunchol	
PERJANJIAN BARU	Kisah Para Rasul 3:12-19	Sdr Gillivary Galau
PERJANJIAN BARU	1 Yohanes 3:1-7	Sdri Anjellina Mimiey
INJIL	Lukas 24:36b-48	Reader Gabriel Henry
PENDOA SYAFAAT	Sdr Gillivary Galau	

DOA RINGKAS HARI INI

Bapa yang Mahakuasa, dengan kasih-Mu yang berkelimpahan, pengikut-Mu bersuka cita melihat Tuhan Yesus yang dibangkitkan dari mati: berikan kepada kami pengetahuan tersebut, yang akan membantu kami untuk merasakan kehadiran-Nya, agar kami diperkasakan serta di hidupkan oleh Dia yang di bangkitkan dari mati, dan melayani-Mu tanpa henti dalam keadilan dan kebenaran; melalui Yesus Kristus Anak-Mu Tuhan kami, Dia yang hidup dan memerintah dengan-Mu, di dalam kesatuan Roh Kudus, Allah yang tunggal, sekarang dan selama-lamanya. Amin.

DOA SELEPAS PERJAMUAN

Allah yang hidup, Anak-Mu telah menampakkan diri-Nya kepada pengikut-Nya, semasa Dia mematahkan roti: beri kepada kami iman, semoga kami dapat melihat Dia didalam segala sesuatu yang dilakukan-Nya, Dia yang hidup dan memerintah, sekarang dan selama-lamanya. Amin.

SELAMAT DATANG KE GEREJA ANGLIKAN TABUAN JAYA

Selamat datang kepada semua yang bersama kita menyembah Tuhan hari ini, lebih-lebih lagi bagi mereka yang datang buat pertama kali.

KEBAKTIAN GABUNGAN

Pada **21 April 2024**, hanya ada Kebaktian Gabungan pada pukul 9:00 pagi. Tiada Kebaktian BM untuk memberi laluan untuk Mesyuarat Agung pada 11:30 pagi.

TIKET JUALAN MAKANAN ST. FRANCIS'S SAMARAHAN

Gereja St. Francis's Samarahan akan mengadakan jualan makanan untuk mengumpul dana pada 28 April 2024 (Ahad) pukul 8:00pagi-4:00petang di kawasan lapang Gereja tersebut. Jika anda ingin membeli tiket untuk jualan tersebut boleh berjumpa dengan Cikgu Liba Bikoi dimeja tetamu.

KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN 2024

Sila isikan borang pendaftaran untuk kelas tersebut. Setiap calon dikehendaki berjumpa dengan Revd Lawrence Wah Onn untuk nasihat dan panduan. Borang yang sudah diisi, sila serahkan kepada Sdri Susan Teng. Tarikh tutup untuk menghantar borang pendaftaran ialah **14 April 2024**. Kelas akan bermula pada **27 April 2024** di Parish House.

BENGKEL PUJI DAN SEMBAH: MENYEMBAH TUHAN MAHA AGUNG

Tarikh: **19hb & 20hb April 2024** Tempat: Main Sanctuary
Malam Homecell bersama: **19hb April dari 7:00malam - 9:30malam**

Bengkel Puji dan Sembah: **20hb April dari 9:00pagi - 4:00 petang**

Jurulatih: Ms Nora Pang, Pastor David Kim (Korea Selatan), Cik Jenny Sieh (St. Patrick's Church Tawau)

KEMPEN DERMA DARAH

Ministri Victory Community Link akan menganjurkan Kempen Derma Darah pada:

Tarikh: **25 Mei 2024** Jam: **9:00 pagi - 2:00 tengahari**

Tempat: Tabuan Jaya Anglican Church.(Chapel).

Se semua yang layak dijemput menderma darah.

Diminta semua ikut arahan RELA dan petunjuk arah ketika meletak kenderaan. Terima kasih atas Kerjasama semua.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2024

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan 2024 akan diadakan di Main Sanctuary Tabuan Jaya Anglican Church pada **Hari Ahad, 21hb April, 2024, jam 11.30pagi**.

AGENDA

1. Doa pembukaan
2. Ucapan daripada Vicar
3. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung yang lepas
4. Perkara berbangkit dari Minit Mesyuarat tersebut
5. Laporan Bendahari and Penyata Akaun Yang Telah diaudit pada penghujung tahun 2023
6. Penerimaan Penyata Akaun Beraudit seperti diatas
7. Untuk melulus dan menerima maklumat Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan tahun 2024
8. Laporan Jawatankuasa Pembangunan Hartanah
9. Laporan dari Jawatankuasa Multimedia
10. Laporan-laporan dari Ministri-ministri
11. Laporan dari Warden-warden Gereja
12. Cadangan/Usul (kalau ada) untuk perbincangan dan penerimaan oleh Mesyuarat Agung
13. Perlantikan Pengaudit Luar untuk tahun 2024/2025
14. Perkara-perkara lain
15. Doa penutupan

+ Mengikut perkara 11(vii)(g) perlambagaan gereja TJAC, mana-mana cadangan/usul untuk perbincangan dan/ataupun diterima oleh Mesyuarat Agung, seharusnya di terima oleh Setiausaha Kehormat pada **14hb April 2024**



Angela Chan
Setiausaha Kehormat

MEMBERSHIP REGISTER

Mana-mana ahli Gereja yang mendapat nama mereka tidak tersenarai, diminta untuk memaklumkan Pejabat Gereja sekurang-kurang 3 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan. Perkara 11(iii) Perlambagan menyatakan "hanya ahli Gereja yang telah ditetapkan dan berumur 18 tahun pada 1 Januari tahun dimana Mesyuarat Agung itu diadakan dan nama mereka tersenarai dalam daftar, boleh menyertai dan mengundi dalam mesyuarat itu.

LAPORAN AGM 2023

Satu naskah laporan untuk 1 keluarga.

Laporan Tahunan Kewangan akan diberi untuk mereka yang hadir di mesyuarat sahaja. Laporan Tahunan Kewangan ini perlu diserahkan selepas mesyuarat tamat.

MAKAN TENGAH HARI AGM

Sila nyatakan jumlah paket makanan tengah hari yang diperlukan semasa AGM, pada senarai di Meja tetamu.